

LEKSIKAL SINONIM DALAM TERJEMAHAN AL-QURAN: SATU PENEROKAAN ETIMOLOGI

Azman Che Mat
Muhd Sufian Said
Universiti Teknologi MARA, Terengganu
E-mail: azmanchemat@yahoo.com

ABSTRAK

Bahasa dunia mempunyai satu ciri yang hampir serupa, iaitu sinonim. Penggunaan bahasa secara informal mungkin sahaja menggunakan sinonim secara silih berganti untuk merujuk kepada sesuatu. Sinonim sebenarnya memberi kelebihan untuk mengayakan penggunaan bahasa, memperkayakan perbendaharaan kata, pemilihan bentuk leksikal yang sedap disebut dan didengar dan untuk tujuan retorik. Hakikatnya, sinonim mempunyai sempadan makna yang berbeza. Secara khusus, faktor yang menyebabkan sinonim wujud dalam sesebuah bahasa dijelaskan secara ringkas dalam kajian ini. Namun objektif kajian ini ialah untuk meneliti terjemahan kata sinonim yang terdapat dalam bahasa Arab berasaskan teks al-Quran. Tiga leksikal yang dikenalpasti untuk tujuan kajian ini, iaitu *جسد* (*jasad*), *بدن* (*badan*) dan *جسم* (*jism*). Dua terjemahan al-Quran bahasa Melayu dipilih sebagai data kajian dengan kelebihan yang ada pada setiap terjemahan ini. Analisis linguistik berasaskan makna denotasi serta makna etimologi dijalankan kepada leksikal bahasa sumber dan bahasa terjemahan. Dapatan kajian ini dijangkakan dapat membuka dimensi terjemahan yang persis dan jitu, khususnya dalam terjemahan al-Quran. Di samping memberikan maklumat kepada penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dari aspek kosa kata.

Kata kunci: terjemahan, sinonim, denotasi, etimologi

1. Pendahuluan

Sinonim adalah salah satu cabang dari bidang linguistik yang luas. Sinonim adalah salah satu cabang ilmu dalam ilmu kajian makna. Bahkan sinonim antara salah satu keistimewaan bahasa Arab yang menonjol dan hanya diketahui oleh mereka yang benar-benar menyelidiki bidang *fiqh al-^cArabiyyah*.

Sinonim atau *al-tarāduf* (الترادف) dalam bahasa Arab berasal dari tiga huruf ف, د, ر *al-radf* (الردف) bermaksud *al-tābi^c* (التابع), iaitu pengikut. *Al-tarāduf* (الترادف) ialah *al-tatābu^c* (التتابع) memberi makna berturut-turut. *Al-rādif* (الرادف), iaitu *al-muta'akhkhir* (المتأخر) bermaksud yang akhir atau belakang *al-murdif* (المردف) dan *al-mutaqaddim* (المتقدم) bermaksud yang terkehadapan. Dalam surah al-Anfāl (7: 9):

فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُمْ بِأَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرْدِفِينَ

“lalu ia perkenankan permohonan kamu (dengan firmanNya):
“Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan seribu (bala tentera) dari malaikat yang datang berturut-turut.”

Menurut pendapat-pendapat yang dinyatakan oleh al-Aṣṣ fahānī (1998: 199), leksikal *murdifin* (مردفين) dalam ayat ini bermaksud berturut-turut. Al-Zajjāj (1988: 402) memberi makna *murdifin* (مردفين) ialah mereka datang dalam satu kumpulan selepas satu kumpulan yang lain. Al-Farrā' (1983: 404) pula menyatakan bahawa *murdifin* (مردفين) ialah berturut-

turut, manakala Ibn Manẓ ūr (1994: Jil.9. 115) menjelaskan bahawa *al-tarāduf* (الترادف) bermaksud seseorang berada di belakang yang lain و أردفه الرجل yang bermaksud dia membonceng di belakangnya. *Radīfuka* (رَدِيفُكَ) pula bermaksud orang yang menurutimu. Menurut Ibn Fāris (1999: 503) ردف ialah mengikut sesuatu, manakala *al-tarāduf* (الترادف) ialah *al-tatābu*^c (التتابع) yang bermaksud berturut-turut dan *al-ridfān* (الرَدْفَان), iaitu malam dan siang. Hal ini demikian kerana malam menuruti siang, maka disebut dengan istilah *al-ridfān* (الرَدْفَان) dua benda yang saling berganti-gantian.

Al-Jurjānī (1985: 77) menjelaskan bahawa *al-tarāduf* (الترادف) ialah sebarang lafaz yang menunjukkan benda yang satu, iaitu berkongsi suatu pengertian. Lafaz di sini ialah lafaz yang pelbagai dan membawa makna yang sama. Sebahagian sarjana yang mengkategorikan sinonim kepada dua jenis, iaitu *tarāduf* dan *tawārud*. *Al-tawārud* ialah kosa kata yang memang berbeza manakala sinonim ialah ungkapan yang hampir-hampir sama maknanya (al-Anṭ ākī, 1969: 317). Namun begitu, al-Tawḥ īdī menambah, lekiskal sinonim adalah *al-naẓ āir* (النظائر), iaitu membawa makna yang sama atau seumpama dengannya (Shāhīn, 1980: 216).

Makna yang tertentu yang disepakati oleh ahli leksikografi boleh disifatkan sebagai makna *denotatif* iaitu makna yang belum dilatari oleh konteks (Azani Yaakub, 2015: 12). Justeru penelitian makna amat penting ketika berhadapan dengan kajian al-Quran kerana dapat membantu pengkaji memahami leksikal itu secara mendalam dalam konteks sumber bahasa yang asal. Teks selain daripada al-Quran bergantung kepada penggunaan semasa. Para pengkaji bahasa harus meneliti dua atau lebih leksikal sinonim dengan persepsi makna yang berbeza sebelum menyokong kewujudan sinonim dalam kosa kata tersebut kerana sinonim mencetuskan makna yang tidak diketahui oleh orang awam.

Secara khusus, kajian ini menumpukan kepada tiga leksikal yang diklasifikasikan sebagai sinonim, iaitu جسد (jasad), بدن (badan) dan جسم (jism) oleh al-Muṭ i'ī (1996); al-Munajjid (1996); al-Khalīl al-Naḥ wī (1991). Oleh itu perbincangan seterusnya meliputi latarbelakang kajian, metodologi dan dapatan kajian.

2. Latarbelakang

Terjemahan al-Quran di Alam Melayu telah pun berlaku semenjak Islam tersebar ke daerah nusantara. Kebanyakan terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu pada alaf baru menggunakan tulisan rumi berbeza dengan terjemahan terawal yang menggunakan tulisan jawi. Kitab tafsir yang lengkap 30 juzuk di Malaysia adalah seperti Tafsir Nur Al-Ihsan yang ditulis oleh Muhammad Said dari Kedah. Kitab ini dicetak pertama kalinya di Mekah, selepas itu, dengan keizinan kerajaan negeri Kedah, ia dicetak di Pulau Pinang pada tahun 1936 (Mazlan Ibrahim, 2006 : 9).

Kajian yang dilakukan oleh Ismail b. Yusof (1995: 135) mendapati bahawa kitab tafsir al-Quran ini adalah yang pertama dalam bahasa Melayu dan dicetak serta diedarkan kepada orang ramai serta lengkap 30 juzuk. Cetakan pertamanya pada tahun 1934 (Hamza bt Mohammad 2005: 87; Ismail b. Yusof 1995: 135). Teks tafsir ini banyak dibaca di negeri-negeri utara seperti Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang (Ismail b. Yusoff, 1995: 110).

Namun begitu, sesuai dengan peredaran masa dan perkembangan masyarakat serentak dengan sifat bahasa yang juga berubah, kajian ini menfokuskan kepada dua tafsir terjemahan yang masih menjadi rujukan penting dalam bahasa Melayu, iaitu Terjemahan Tafsir Pimpinan

Ar-Rahman oleh Sheikh Abdullah Basmeih dan Terjemahan Tafsir Fi Zilalil al-Quran oleh Yusoff Zaky Haji Yacob.

Pimpinan Ar-Rahman

Hakim Zainal (1996: 175-176) mencadangkan supaya pemerhatian semula bagi memastikan kesahihan terjemahan dan kesahan tafsiran Kitab Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman (TPAR) menurut nas yang asal, termasuklah memperbetulkan apa-apa yang boleh dibetulkan. Selain itu, berhubung dengan sinonim pula, beliau mengakui bahawa tidak terdapat pengkaji dari Malaysia yang mengambil berat soal ini berbanding dengan penulisan-penulisan dalam bahasa Arab. Justeru, penilitian semula makna kosa kata sinonim diperlukan walaupun ia amat rumit untuk dilaksanakan.

Fi Zilal al-Quran

Manakala Terjemahan Tafsir fi Zila^lil Qur'an (TFZQ) pula telah dihasilkan oleh Yusoff Zaky dalam tempoh 11 tahun juga merupakan hasil terjemahan yang boleh dikatakan ulung di Malaysia kerana kedudukan kitab Tafsir Fi Zila^lil Qu'ran oleh Sayyid Qutub yang merupakan salah satu kitab tafsir yang muktabar dan boleh menjadi rujukan umat Islam pada masa kini. Beliau menggunakan terjemahan dinamis, iaitu memfokuskan terjemahan makna yang ingin disampaikan oleh Sayyid Qutb dalam kitab tafsir karangannya (Hishomudin Ahmad et al., 2011: 732).

3. Metodologi

Kajian ini dikategorikan sebagai analisis dokumen dalam kerangka linguistik gunaan. Analisis yang dijalankan adalah terpilih kepada unit-unit bahasa, iaitu leksikal. Dokumen yang dimaksudkan ialah terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu. Manakala sebagai kerangka linguistik gunaan pula, proses terjemahan daripada bahasa Arab sebagai bahasa sumber (Bsu) dan bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran (Bsa). Langkah yang dijalankan dalam metodologi kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Data: leksikal sinonim terpilih, iaitu جسد (jasad), بدن (badan) dan جسم (jism) dikutip daripada dua terjemahan Melayu, iaitu Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman (TPAR) dan Terjemahan Tafsir fi Zila^lil Qur'an (TFZQ). Leksikal-leksikal ini dikategorikan sebagai sinonim oleh al-Muṭ i'ī (1996); al-Munajjid (1996); al-Khalīl al-Naḥ wī (1991).
- b. Analisis: pengkaji melakukan dua tahap analisis berdasarkan pendekatan makna, iaitu makna denotatif dan makna konotatif. Makna denotatif ialah makna yang dijelaskan oleh kamus dwi bahasa, iaitu Arab-Melayu. Manakala makna konotatif pula ialah makna yang difahami berdasarkan konteks ayat dalam persekitaran penggunaan bahasa oleh penutur. Makna konotatif dalam kajian ini menggunakan istilah etimologi untuk merangkumi aspek linguistik tulen dari sudut asal usul penggunaan sesebuah leksikal dalam bahasa.

4. Dapatan

Analisis dalam al-Quran menunjukkan *badn* (بدن) hanya disebut pada satu ayat sahaja dengan leksikal nama tunggal dalam surah Yūnus (10: 92). Manakala leksikal *jasad* (جسد) juga pada

satu pola, iaitu kata nama tunggal dalam empat kedudukan dalam surah-surah yang berbeza. Bagi leksikal *jism* (جسم) pula digunakan dalam pola kata nama tunggal dan jamak.

Ketiga-tiga kosa kata ini ada unsur persamaan makna, iaitu tubuh, badan atau jisim. Ibn Fāris (1999: 457) beranggapan *al-jism* (الجسم) adalah seerti dengan *al-jasd* (الجسد), manakala al-Aṣṣ fahānī (1998: 50) hanya memberikan sedikit sahaja perbezaan antara *badan* dan *jasad*.

Jadual 1: Kedudukan *badan* (بدن), *jasad* (جسد) dan *jism* (جسم) dalam al-Quran (ʿAbd al-Bāqī, 1994:147)

Kosa kata	Kekerapan	Tempat
بدن	1	Yūnus 10:92
جسدا	1	Al-Aʿrāf 7:148 T āhā 20:88 al-Anbiyā' 21:8 Ṣ ād 38:34
الجسم	1	Al-Baqarah 2:247
أجسامهم	1	Al-Munāfiqūn 63:4

5. Perbincangan

1. Makna Denotasi

Berdasarkan kamus Arab-Melayu, makna denotatif yang diberikan adalah seperti berikut daripada kamus-kamus terpilih:

Jadual 2: Makna Denotasi Arab-Melayu

Bil	بدن	جسد	جسم	Rujukan
1.	Tubuh badan, perisai yang pendek (hlm.106)	Tubuh (hlm. 305)	Tubuh; benda; badan; sesuatu yang mengambil ruang (hlm. 307)	KBAMD (2015)
2.	Badan; jasad; jasmani, fizikal (hlm. 327)	Badan; jasad; tubuh (hlm. 615)	Badan; tubuh; jism; bahan perkara; objek; sesuatu; bentuk; susuk (hlm. 615)	KM (2007)
3.	Tubuh; badan; batang tubuh (hlm. 44)	Tubuh; badan (hlm.102)	Tubuh orang; kuma-kuma	KAMM (1354H)

KBAR: Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006)

KM: Kamus al-Miftah (2007)

KAMM: Kamus Arab Melayu al-Marbawi (2004)

Berdasarkan kepada jadual 2 di atas, makna denotasi Arab-Melayu merujuk kepada leksikal yang setara seperti tubuh, badan, jasad bagi leksikal بدن dan جسد. Namun bagi leksikal جسم merangkumi makna yang lebih luas seperti merujuk kepada benda, bahan perkara, objek sesuatu dan kuma-kuma (sejenis tumbuhan saffron). Hal ini bererti makna denotatif yang diberikan oleh kamus-kamus Arab Melayu menunjukkan wujudnya sinonim bagi ketiga-tiga

leksikal yang diteliti dengan menunjukkan bahawa leksikal جسم mempunyai sempadan semantik yang lebih luas.

Sinonim leksikal yang diperolehi daripada kamus Arab-Melayu juga ditelusuri dalam Kamus Dewan, Kamus Sinonim Melayu dan Tesaarus Bahasa Melayu seperti yang dijelaskan dalam jadual di bawah:

Jadual 3: Makna Denotasi Melayu-Melayu

Bil.	Badan	Jasad	Tubuh	Rujukan
1.	1. tubuh, jasad; 2. pokok tubuh (selain anggota dan kepala); 3. bahagian yang utama daripada sesuatu; 4. diri (sendiri); 5. kumpulan orang yang merupakan sesuatu kesatuan untuk mengerjakan sesuatu; 6. bahagian utama (penting) ucapan (buku, dokumen dsb); 7. agensi, pertubuhan (hlm. 83)	Sesuatu yang wujud sebagai lawan roh, badan jisim, tubuh (hlm. 521)	1. badan keseluruhan jasad manusia atau binatang yang kelihatan; 2. badan sahaja tidak termasuk kepala dan anggota); 3. diri (sendiri), 4. peribadi; bahagian sesuatu yang terpenting; 5. pertubuhan; 6. jisim, jasad benda (hlm. 1476)	KD (2000)
2.	1. Anatomi; anggota; benda; bentuk; diri; dunia; fizik; jasad; jasmani; jisim; lahiriah; maudud; tubuh; 2. Barisan; irektorat; gabungan; impunan; ikatan; institusi; kelompok; kesatuan; korporat; kumpulan; lembaga; majlis; organisasi; panitia; persatuan; pertubuhan;	Badan; bentuk; diri; fizikal; jasmani; soma; tubuh (hlm. 94)	Anatomi; anggota; bentuk; diri; fizikal; jasad; jasmani; jisim; raga; soma (hlm. 240)	KSAM (1997)

	sindiket; suruhanjaya; syarikat; yayasan (hlm. 34)			
3.	1. diri, tubuh, jasad, jisim, sarira, raga; 2. bahagian utama: isi, kandungan; 3. perbadanan (hlm. 57)	Badan, tubuh, jisim (hlm. 354)	Badan, jasad, jasmani, jisim, diri, rangka, bentuk, sarira (hlm. 1052)	TBMD (2005)

KD: Kamus Dewan

KSAM: Kamus Sinonim Antonim Melayu

TBMD: Tesaurus Bahasa Melayu Dewan

Ketiga-tiga leksikal tubuh, jasad dan badan dalam bahasa Melayu mempunyai variasi makna yang luas seperti yang dipaparkan dalam jadual 3 di atas. Hal ini memerlukan kepada penterjemah Arab-Melayu pentingnya memahami perbezaan sempadan semantik daripada ketiga-tiga leksikal yang dikaji. Leksikal jasad didapati lebih merujuk maknanya kepada aspek fizikal manusia atau haiwan berbanding dengan leksikal badan dan tubuh yang melangkaui makna fizikal manusia atau haiwan. Ia mencakupi makna abstrak yang menerangkan fungsian yang merujuk kepada organisasi sosial dalam masyarakat dan makna implisit.

2. Makna Etimologi

Ibn Fāris (1999: Jil.1. 211) menyatakan *al-bā'*, *al-dāl*, *al-nūn* (*al-badn*) asalnya ialah seseorang yang bertubuh tanpa anggota yang lengkap. Menurut al-^cAskarī (2000: 180) *al-badn* (البدن) bahagian atas *al-jasad* (الجسد) manusia. Oleh itu, baju perisai yang dipakai di dada ke pusat dipanggil dengan nama *al-badn* (البدن) kerana terletak pada anggota atas.

Al-Aṣ fahānī (1998: 50) membezakan antara *jasad* (جسد) dan *badan* (بدن). Beliau menyatakan bahawa *al-badan* (البدن) ialah *al-jasad* (الجسد) tetapi *al-badan* (البدن) dikatakan sedemikian dengan mengambil kira tulang badan manakala *al-jasad* (الجسد) mengambil kira warna. Namun pendapat *al-jasad* (الجسد) mengambil kira warna telah disanggah oleh al-Munajjid (1997: 197) kerana penggunaan al-Quran menunjukkan *al-jasad* (الجسد) tanpa ruh dan ianya dalam keadaan yang kaku.

Al-Munajjid (1997: 193-194) mengemukakan pendapat daripada al-Jazā'irī yang mengatakan *al-badan* (البدن) adalah jasad selain daripada kepala, manakala Abū Ḥayyān menjelaskan *al-badn* (البدن) dalam kisah Firaun ialah badan Firaun. Ia juga memberi erti *al-dar*^c (الدرع), iaitu baju perisai Firaun. Walaupun Firaun dijumpai dengan jasadnya yang sempurna. Al-Quran menggunakan kosa kata *al-badn* (البدن), yang beerti jasad tanpa kepala sebagai simbolik yang bertujuan untuk menghina dan memperlekehkan Firaun sebagaimana

tafsiran yang dikemukakan oleh Abū Ḥayyān. Al-Munajjid menyokong pandangan yang mengatakan *al-badan* ialah perisai yang menutup bahagian tangan, perut dan belakang.

Pada kisah Firaun *al-badan* sangat sesuai kerana *al-badan* menunjukkan kekuasaan Allah (s.w.t) yang menimbulkan badan Firaun walaupun dilitupi dengan baju perisai dari besi. Padahal *al-badan* adalah lebih mudah untuk tenggelam (al-Munajjid, 1997: 193-194). Hal inilah yang membuktikan kekuasaan-Nya apabila Allah (s.w.t) menceritakan penghujung kematian Firaun dengan menggunakan leksikal *badan* (بدن) (al-Muṭṭī, 1992: 80).

Leksikal kedua ialah *al-jasad* (الجسد). Huruf *al-jīm*, *al-sīn*, *al-dāl* memberi makna mengumpulkan sesuatu dan mengukuhkannya dan dari makna itu juga membawa makna jasad manusia (Ibn Fāris, 1999: Jil.1. 457). Namun al-Aṣṣ fahānī (1998: 100) berpendapat *al-jasad* (الجسد) adalah lebih khusus dari *jisim* (الجسم). *Al-jasad* (الجسد) tidak dikatakan pada selain daripada manusia dari makhluk-makhluk di bumi dan seumpamanya, *al-jasad* mempunyai warna dan tidak ditonjolkan dengan warna seperti air dan udara. Pendapat ini juga sebahagian dari pendapat Al-Khalīl dan Abu Baqā' (al-Munajjid, 1997: 194). Al-Alūsī (2000: Jil.15. 741) mentafsirkan jasad ialah tubuh yang ada daging dan darah atau jasad bererti tiada ruh. Ibn ʿAshūr (1997: Jil.4. 286), turut mengemukakan pendapat al-Zajjāj. Menurut al-Zajjāj *jasad* ialah tidak berakal dan tidak boleh membezakan sesuatu, dengan erti yang lain *jasad* ialah mayat.

Leksikal ketiga ialah *al-jism* (الجسم). Menurut Ibn Fāris (1999: Jil.1. 457) huruf *al-jīm*, *al-sīn* dan *al-mīm* (الجسم) menunjukkan sesuatu yang terkumpul, maka *al-jism* (الجسم) ialah seseorang yang diketahui sebagaimana pendapat Ibn Durayd. Selain itu, Abū Hilāl al-ʿAskarī (2000: 180) mengatakan *jisim* manusia kesemuanya *jasad* yang mempunyai darah sama ada binatang atau manusia.

Al-Aṣṣ fahānī (1998: 101) turut memuatkan pandangan Abū Hilāl dan al-Baqā', iaitu *al-jism* (الجسم) ialah sesuatu yang mempunyai tinggi, lebar dan kedalaman. *Al-Jism* tidak dijelaskan oleh warna seperti air dan udara, maka *jisim* manusia berlainan warnanya. Al-Munajjid (1997: 198) pula menjelaskan pemisah antara *al-jasad* (الجسد) dan *al-jism* (الجسم) adalah ruh yang berdasarkan penggunaan al-Quran dalam kedua-dua leksikal ini. Jika *al-jasad* adalah kaku dan tiada ruh atau manusia yang sudah meninggal tetapi *al-jism* (الجسم) pula ada kaitan dengan ruh berdasarkan dua tempat dalam al-Quran, iaitu dalam surah al-Baqarah (2: 247):

وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ

“...dan telah mengurniakannya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan **tubuh badan**” (TPAR 1995: 97)

“...dan dia telah menambahkan kepadanya keluasan ilmu pengetahuan dan keperkasaan **tubuh badan**” (TFZQ 2000: 313)

surah al-Munāfiqūn (63: 4):

وَإِذَا رَأَوْهُمْ تَبَٰعِبُكَ ٱجْسَامُهُمْ

“...dan apabila engkau melihat mereka, engkau tertarik hati kepada **tubuh badan** mereka (dan tingkah lakunya)” (TPAR 1995: 1514).

“...dan apabila engkau melihat mereka engkau akan tertarik kepada **tubuh badan** mereka” (TFZQ 2000: 406).

Ayat pertama di atas adalah mengisahkan Ṭālūt memerangi Jālūt dan tenteranya. Leksikal *baṣṭah* (بَسْطَة) pada *jism* ialah sesuatu yang diwarisi daripada kebesaran, kehebatan dalam jiwa serta kekuatan. Ayat tersebut tidak menunjukkan kepada kematian atau pembunuhannya. Selain itu, ayat kedua pula menyifatkan kehairanan terhadap tubuh badan orang-orang yang munafik. *Jisim* dalam konteks ayat kedua tidak digunakan dengan makna hairan jika *jism* rosak dan tiada ruh. Namun, amaran pada hujung ayat tersebut mengingatkan rasul-Nya agar berhati-hati dan ini bermakna larangan tidak akan terjadi terhadap orang yang mati. Dikuatkan lagi dengan larangan berpura-pura terhadap orang yang munafik. Maka *al-jisim* ditujukan pada sesuatu yang hidup dan sesuatu yang ada hubungan antara ruh dengan *al-jisim* (al-Munajjid, 1997: 198). Leksikal ini tidak akan digunakan melainkan kepada manusia yang berakal ketika hidup (al-Muṭṭī, 1992: 80).

Maka, leksikal *al-jasad al-badn* (البَدَن), (*الجسد*) dan *al-jisim* (الجِسم) adalah berbeza. *Al-badn* adalah bahagian bawah kepala atau baju perisai yang pendek melitupi bahu ke perut. *Al-Jasd* (الجسد) pula adalah mayat yang tiada ruh padanya yang memisahkan dengan *al-jism* (الجِسم) kerana *al-jism* menunjukkan kepada kehidupan dan nada naik turunnya nafas (al-Munajjid, 1997: 199).

Berdasarkan penelitian tentang ayat-ayat yang dicatatkan dalam jadual dan sandaran pada rujukan-rujukan yang telah dinyatakan, makna kosa kata *al-badn*, (البَدَن) *al-jasd* (الجسد) dan *al-jism* (الجِسم) adalah seperti berikut:

- a) Analisis dokumen pada leksikal *al-badn* (البَدَن) dalam penggunaan al-Quran menunjukkan jasad yang kaku dan tiada ruh atau darah yang mengalir. Antara pengertian yang diberi ialah sesuatu yang dilitupi oleh baju besi yang berat sebagaimana pendapat al-Aṣṣ fahānī berdasarkan ayat surah Yūnus (10: 92). Maka badan Firaun yang mati dalam laut akan tetap menjadi tanda dan bukti bagi orang-orang selepasnya.
- b) Berdasarkan analisis dokumen-dokumen yang dijalankan, *al-jasad* (الجسد) adalah satu kerangka yang tiada ruh, kaku sebagaimana kisah pada patung lembu dalam surah al-Aʿrāf (7: 148) dan Ṭāhā (20: 88) dan juga jasad para nabi dalam surah al-Anbiyāʾ (21: 9) yang menunjukkan jasad para nabi bukannya jasad, iaitu tiada ruh sehingga tidak memerlukan makanan. Begitu juga jasad yang dilontarkan kepada nabi Sulaiman (a.s) dalam surah Ṣād (38: 34). Pendapat ini adalah bersesuaian dengan ayat-ayat yang menggunakan leksikal *al-jasd* (الجسد).
- c) Analisis dokumen pada leksikal *al-jism* (الجِسم) pula menunjukkan *al-jism* digunakan untuk sesuatu yang ada ruh sebagaimana pada kisah Ṭālūt pada ayat surah al-Baqarah (2: 247) dan perihal *jisim* orang munafik beserta dengan perangnya dalam surah al-Munāfiqūn (63: 4).

Jadual 4: Pengertian *al-badn* (البدن), *jasad* (الجسد) dan *jism* (الجسم)

TPAR	Tafsiran البدن	Bil.	TFZQ	Tafsiran البدن	Bil.
	Badanmu	1		Badanmu	1
	Jumlah	1		Jumlah	1
	Tafsiran جسد	Bil.		Tafsiran جسد	Bil.
	Bertubuh	2		Bertubuh	2
	Satu jasad (yang tidak cukup sifat)	1		Jasad (yang tidak cukup sifat)	1
	Bertubuh badan	1		Tubuh badan	1
	Jumlah	4		Jumlah	3
	Tafsiran جسم	Bil.		Tafsiran جسم	Bil.
	Tubuh badan	2		Tubuh badan	2
	Jumlah	2		Jumlah	2

Jadual 5: Pengertian *al-badn* (البدن), *jism* (الجسم) dan *jasad* (الجسد) menurut TPAR dan TFZQ

TPAR	البدن	جسد	جسم
Terj.	Bertubuh, Badan	Bertubuh, jasad yang tidak cukup sifat	Tubuh badan
TFZQ	البدن	جسد	جسم
Terj.	badan	Bertubuh, jasad yang tidak cukup sifat	Tubuh badan

6. Rumusan

Secara umumnya, berasaskan pandangan-pandangan yang dikemukakan di atas, *al-badan* (البدن), *jasad* (الجسد) dan *jisim* (الجسم) adalah tiga leksikal yang hampir sama terjemahan maknanya ke bahasa Melayu. Leksikal *al-badan* (البدن) diberikan makna badan oleh TPAR dan TFZQ. Namun leksikal *jasad* (الجسد) diberikan makna bertubuh dan jasad dengan ciri-ciri khusus. TPAR dan TFZQ menterjemahkannya dengan jasad yang tidak cukup sifat. Kosa kata *jisim* (الجسم) diberikan makna tubuh badan oleh kedua-dua terjemahan tafsir al-Quran ini.

Oleh yang sedemikian, kajian ini mencadangkan agar padanan yang terhampir perlu dilakukan untuk terjemahan ini dalam al-Quran dan bahasa Arab secara amnya. Padanan yang terhampir untuk setiap leksikal ini ialah: بدن sesuai untuk badan, جسد sepadan dengan jasad dan جسم lebih tepat dengan tubuh badan. Berdasarkan asal usul leksikal ‘badan’ dan ‘jasad’ dalam bahasa Melayu juga dipinjam terjemah daripada bahasa Arab jua tanpa ada sebarang pengubahsuaian struktur. Kedua-dua leksikal ini adalah serapan daripada bahasa Arab (Amat Juhari Moain & Wan Mohd Saophy Amizul Wan Mansor, 2016). Leksikal جسم juga merupakan serapan Arab-Melayu, namun dipadankan dengan leksikal lain, iaitu jisim dan jasmani (variasi serapan daripada جسمان).

Rujukan

- Abdul Hakim Bin Abdullah. 2003. *Pengajaran Balaghah Di Peringkat STPM Di SMKA: Pelaksanaan Dan Permasalahannya*. Selangor: UKM.
- Abdullah Basmeih. 1995. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1997. *Kamus Sinonim Antonim Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- al-Anṭ ākī. Muḥ ammad al-Anṭ ākī. 1969M (1389H), *Dirāsāt Fi Fiqh al-Lughah*. Lubnan: Dār al-Sharqiyy al-^cArabiyy, Beirut.

- al-Aṣṣ faḥ ānī, al-Rāghib. 1998. *al-Mufradāt fī gharīb al-Qurʿān*. Lubnan: Dār al-Maʿrifah, Beirut.
- al-ʿAskarī, Abū Hilāl al-Ḥasan bin Abdullah bin Sahl al-ʿAskarī (m400H). 1421H/2000M. *al-Furūq al-Lughawiyyah, Taʿlīq*: Muḥ ammad Bāsil ʿUyūn al-Sūd. Lubnan: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah. Beirut.
- AL-Farrāʾ, Abu Zakariyyā bin Yaḥ yā bin Ziyād. 1983. *Maʿāni al-Qurʿān*. Jil. 1. Beirut: ʿAlam al-Kutub.
- al-Jurjānī (ʿAli bin Muhammad bin ʿAli). 1985 (1405H). *al-Taʿrifāt*, Taḥ qiq: Ibrāhīm al-Abyārī. Dār al-Kitāb al-Arabiyy.
- al-Khalīl al-Nadwī. 1991. al-Muʿjam al-ʿArabī al-Muyassar. Tunisia: Maṭ ābiʿ Bāṭ ā.
- Al-Munajjid, Mohd Nūruddin. 1996. Sinonim dalam al-Quran antara Teori dan Praktikal (*al-Taraduf fī al-Qurʿān al-Karīm bayna Al-Naẓ ariyyah wa al-Taṭ bīq*). Lubnan: Dār al-Fikr, Beirut.
- al-Muṭ iʿī, ʿAbd al-ʿAz im bin Ibraḥ im Muḥ ammad. 1996. *Dirāsāt Jadīdah fī Iʿjāz al-Qurʿān*. Mesir: Maktabah Wahbiah.
- Al-Zajjaj, Abu Ish āq Ibrāhīm bi al-Sirri. 1988. *Maʿāni al-Qurʿān wa Iʿrābihi*. Jil. 2. Beirut: ʿAlam al-Kutub.
- Amat Juhari Moain & Wan Mohd Saophy Amizul Wan Mansor. 2016. *Kata-kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu: Perubahan Bunyi dan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ʿAbd al-Bāqī, Muḥ ammad Fuʾād. 1996. *Al-Muʿjam al-Mufahras Li alfāz al-Qurʿān al-Karīm*. Mesir: Dār al-Hadis al-Qāherah.
- Hamza bt Mohammad. 2005. Metodologi Muḥ ammad Saʿid Umar dalam tafsir Nurul Ehsan (Sarjana, UM). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hishomudin Ahmad, Lubna binti Abdul Rahman dan Arnida binti Abu Bakar. 2011. Metod Penterjemahan Kitab Tafsir fī Zilaḥ al-Qurʿān dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Perbandingan. *Prosiding Seminar Terjemahan Antarabangsa ke-13*. Hlm. 727-742.
- Ibn ʿĀshūr, Muḥ ammad al-Ṭ āhir. 1939M. *Majallah Majmaʿ Fuād al-Awwal Li al-Lughah al-ʿArabiah*, Jil 4, 1937M. Mesir: al-Maṭ baʿah al-Amīrah.
- Ibn Fāris (Abū Ḥusayn Aḥ mad bin Fāris bin Zakaria al-Rāziyy). 1999. *Muʿjam Maqāyīs al-lughah*, Taḥ qiq: ʿAbd al-Salām Muḥ ammad Ḥ ārun. Lubnan: Dār al-Jayl.
- Ibn Manẓ ūr (Abū Faḍ l Jamāluddīn Muḥ ammad bin Mukram al-Anṣ ārī al-Ifriqiyy) al-Miṣ riyy. 1996. *Lisān al-ʿArab*. Lubnan: Beirut, Dār al-Fikri li al-Ṭ ibāʿah.
- Ismail B. Yusof 1995. Perkembangan Pengajian Dan Penulisan Tafsir di Malaysia. (PHD, UM). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mazlan B. Ibrahim. 2006. Tafsir al-Quran di Nusantara. Kajian terhadap tafsir harian al-Quran al-Karim Karya Hj Abdullah Abbas Nasution. (PhD). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shāhīn, Taufiq Muḥ ammad. 1980. *al-Mushtarak al-Lughawiyy Naẓ ariyah wa Taṭ bīqah*. Mesir: Maktabah Wahbah.
- Yusoff Zaky Haji Yacob. 2000. *Tafsir Fi Zilalil Qurʿan, Di Bawah Bayangan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.